

Bil. S 62

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83{3})

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2015

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
2. Pemasukan bab 113A baru ke dalam S 60/2010

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2015

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pekerjaan (Pindaan) (Bil. 2), 2015.

Pemasukan bab 113A baru ke dalam S 60/2010

2. Perintah Pekerjaan, 2009 adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 113 bab baru yang berikut —

“Insurans perubatan

113A. (1) Majikan hendaklah membeli dan menanggung insurans perubatan dengan perlindungan sekurang-kurangnya \$10,000 bagi tempoh 12 bulan pengajian pekerja imigran itu (atau bagi suatu tempoh yang lebih pendek jika tempoh pengajian pekerja imigran itu kurang daripada 12 bulan) bagi rawatan pesakit dalam dan pembedahan sehari pekerja imigran itu kecuali sebagaimana yang mungkin diperuntukkan selainnya oleh Pesuruhjaya dengan pemberitahuan secara bertulis.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1), jika majikan membeli polisi insurans perubatan berkelompok untuk pekerja-pekerja imigrannya, majikan tidak boleh dianggap telah memenuhi obligasi di bawah cerai (1) melainkan jika terma-terma polisi insurans perubatan berkelompok majikan itu adalah sebegitu rupa sehingga setiap seorang pekerja imigran dilindungi bersama setakat yang dikehendaki di bawah cerai itu.

(3) Mana-mana majikan yang, bagi maksud membiayai atau membiayai sebahagiannya kos insurans berkaitan dengan liabilitinya untuk membayar insurans perubatan di bawah cerai (1), membuat apa-apa potongan daripada pendapatan seseorang pekerja imigran yang digaji olehnya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda sebanyak \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

(4) Mana-mana majikan yang gagal mematuhi cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan.”.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 21 haribulan Disember, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM